


# Suasana pembelajaran terbaik

Terima peruntukan geran bina kompleks  
sekolah bisnes berharga RM13.5



**Oleh Habsah Dinin**

*ecah@bharian.com.my*

---

**K**EMUNCULAN pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang menawarkan kursus dalam bidang perniagaan tidak mengugat kedudukan UPM sebagai universiti utama dan terbaik sebagai pilihan pelajar untuk mengikuti kursus berkenaan.

Lebih membanggakan UPM melalui Sekolah Pengurusan Siswazah (GSM) dipilih jemaah menteri sebagai Sekolah Bisnes Terkemuka (TBS) di Malaysia yang bertaraf antarabangsa pada Oktober tahun lalu berikutan kejayaannya menawarkan program pasca siswazah Pengurusan Perniagaan/Pengurusan, khususnya program MBA yang setanding dengan universiti terkemuka dunia.

Sejak ditubuhkan pada 1997 hingga 2007 yang lalu, GSM berjaya melahirkan 1,975 graduan dengan 1,416 graduan MBA, 426 Sarjana Pengurusan, 84 Sarjana Sains dan 49 lagi menerusi program Doktor Falsafah (PhD).

Kini GSM memiliki 820 pelajar dengan 580 darinya mengikuti kursus MBA manakala 120 lagi pelajarnya mengikuti pengajian PhD.

Bagi memacu kejayaan GSM sebagai TBS ini, kerajaan memberi peruntukan geran permulaan berjumlah RM25 juta untuk membina kompleks TBS baru yang berharga RM13.5 juta serta pembangunan sumber manusia yang menelan belanja RM11.5 juta.

Hasilnya GSM kini menjadi platform memacu kejayaan program sekolah bisnesnya dengan diterajui seorang dekan.

Dalam padaitu, GSM kini dalam proses nendapatkan akreditasi dari Association to Advanced Colegiate School of Business (AACSB). Untuk tujuan itu seorang mentor iaitu Eileen Peacock dari Universiti Massachusetts dikenal pasti membantu ushanya.

GSM juga sudah memulakan

dokumentasi untuk akreditasi EQUIS dan AMBA.

Dalam proses memberikan kualiti pengajaran, penyelidikan dan kebijakan yang terbaik untuk pelajar GSM, sekolah ini sedang berusaha mendapatkan pemenang anugerah Nobel ekonomi, Profesor Joseph Stigliz dan pemenang Nobel pemasaran, Profesor Philip Kotler dilantik sebagai Profesor Adjung dan mengharapkan dengan pelantikan itu mereka berupaya menjadi duta UPM

GSM di peringkat global.

Pada masa depan, GSM merancang untuk menawarkan program baru seperti Doctorate in Business Administration (DBA), Master of Entrepreneurship serta beberapa program lain yang bersesuaian.

Skop program MBA juga turut diperluaskan kepada bidang bioteknologi, khidmat makanan, Sains Persekutaran, Keusahawanan, Corporate Governance selain mena-

warkan MBA Eksekutif, MBA Teknokrat dan MBA Fast Track.

Di GSM cara pembelajarananya adalah secara Pembelajaran Berdasarkan Pelajar (SCL) termasuklah Pembelajaran Berdasarkan Masalah (PBL), Pembelajaran Berdasarkan Projek, Kajian Kes dan Experiential Learning.

Menjadi tradisi di sini di mana aktiviti penyelidikan dan penerbitan sudah menjadi suatu budaya dan pada masa yang sama menggalakkan

penyelidik terkemuka menjalankan penyelidikan di GSM.

Bagi perancangan masa depannya, di peringkat global GSM dijangka mengadakan pakatan bestari dengan universiti/sekolah pengurusan perniagaan terkemuka dunia seperti Babson College (Entrepreneurship), Sekolah Pengurusan Kellog, Universiti Northwestern dan Universiti RMIT Amerika Syarikat; Universiti Stirling UK, Universiti Melbourne dan Universiti

Monash di Australia.

GSM juga akan menjalin hubungan kerja dengan agensi kerajaan, syarikat antarabangsa, syarikat tempatan dan institusi berkaitan bagi mengadakan program pengembangan pembangunan eksekutif (EDP).

Selain dalam usaha merancang untuk mewujudkan program persisiran di lokasi strategik di rantau Asia Pasifik seperti Indonesia dan Vietnam di samping menjalankan promosi strategik dan berkesan dalam dan luar negara bagi memperkuuh jenama GSM.

UPM juga merancang untuk menubuhkan endowment daripada syarikat multinasional (MNC) dan syarikat berteraskan kerajaan (GLC) bagi membolehkan GSM mewujudkan lebih banyak tempat profesional dan menawarkan biasiswa kepada pelajar yang cemerlang.

Di samping itu, GSM juga sedang mempelbagaikan aktivitiinya termasuk mengadakan perkhidmatan runding cara, kursus jangka pendek, syaran dan penempatan latihan industri kepada pelajarnya.

Menariknya semua kursus yang ditawarkan di GSM dikendalikan secara bersemuka di antara pelajar dengan pensyarah.

Sementara itu, ia bercadang mensyaratkan pelajar PhD menerbitkan satu kertas dalam jurnal bertaraf antarabangsa sebelum bergraduat manakala pelajar Masters menghantar satu kertas ke jurnal atau menghasilkan manuskrip, monograf atau satu bab dalam buku sebelum bergraduat.